

09/07/1999

Panggung Negara siap untuk persembahan

Jamudin Idris

PANGGUNG Negara sudah bersiap sedia membuka ge-langgangnya kepada penggiat kesenian dan kebudayaan dengan mempelawa mereka menghasilkan kerja seni yang kreatif sesuai dengan kecanggihannya sebagai salah sebuah panggung teater yang terbaik di dunia.

Penggiat teater tempatan perlu merebut peluang ini, selain kementerian turut membuka peluang kepada pertubuhan teater dari luar negara untuk sama-sama merencanakan dunia teater sesuai dengan matlamat kementerian mengadakan 200 hari persembahan setahun.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Mohd Noh Rajab berkata, berdasarkan maklum balas daripada penggiat kesenian dan kebudayaan dari tempatan dan luar negara, pihaknya yakin matlamat 200 hari persembahan akan tercapai.

"Kini Panggung Negara giat menyusun kalendar sepanjang tahun, selain sudah ada kumpulan teater dari luar negara yang sudah merisik untuk mengadakan pementasan di Panggung Negara. Ia dalam peringkat rundingan," katanya selepas melawat Panggung Negara, Selasa lalu.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid dan Pengarah Panggung Negara, Supiat Mukri turut hadir.

Panggung Negara yang pembinaannya membabitkan perbelanjaan lebih RM200 juta begitu dipuji. Kebanggaan bangunan ini terletak pada teknologi empat pentasnya yang berbentuk prosenium berukuran 28 meter kali 25 meter setiap satu yang boleh diubahsuai mengikut kehendak sesuatu pementasan. Di hadapan pentas utama dan tersorok ke bawah ialah pentas orkestra yang memisahkan pentas uta-ma dengan penonton.

Auditorium Panggung Negara boleh memuat kira-kira 1,500 penonton. Di tingkat utama saja ia boleh menampung hampir 700 tempat duduk.

Mohd Noh berkata, sebelum pementasan teater dimulakan serentak dengan perasmiannya yang dijangka dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu kedua September ini, acara di Panggung Negara dimulakan dengan persembahan koir Orkestra Simfoni Kebangsaan.

Mereka akan mengadakan persembahan pada 9 dan 10 Julai. Tiket masuk RM20 dan RM30. Tempoh dua bulan sengaja diisikan dengan persembahan koir untuk mengesan sebarang masalah terutama dari segi teknikal.

Memandangkan pembinaan keseluruhan Panggung Negara hampir siap, penggiat teater tempatan dipelawa mengadakan pementasan di situ dan mengeksplorasi kecanggihan yang disediakan.

"Pada saya peralatan yang disediakan cukup canggih dan hal ini diakui oleh aktivis teater luar negara, selain kawasan pementasan saja mencapai ketinggian menyamai 14 tingkat rumah pangsa," katanya.

Kegiatan kebudayaan seperti teater diberi penekanan oleh kementerian kerana teater boleh menjadi aset menarik pelancong ke negara ini.

(END)